

**Tiada kematian selama 23 hari, antara inti pati perkembangan COVID-19  
Malaysia  
Astro Awani  
07 Julai 2020  
Hasimi Muhamad,**

KUALA LUMPUR: Kes baharu COVID-19 di negara ini terus kekal satu angka selepas enam kes dikesan setakat 12 tengah hari ini.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan turut memaklumkan tiada kematian berkaitan COVID-19 direkodkan di Malaysia.

Ia menjadikan 23 hari berturut-turut negara ini tidak merekodkan sebarang kematian berkaitan virus tersebut.

Berikut antara perkara tumpuan tentang perkembangan kes COVID-19 di Malaysia, berdasarkan kenyataan media KKM:

- 1) Enam kes baharu dikesan pada Selasa, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini adalah sebanyak 8,674 kes.
- 2) Daripada jumlah kes baharu, 4 kes merupakan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala dua lagi adalah penularan dalam negara - membabitkan warganegara.
- 3) Sebanyak lima kes telah pulih dan dibenarkan discaj. Jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah sebanyak 8,481 kes atau 97.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

4) Tiada kes kematian berkaitan COVID-19. Jumlah kumulatif kes kematian kekal 121 kes atau 1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

5) Sebanyak 647 kes positif COVID-19 import dalam kalangan pengembara termasuk rakyat Malaysia dan pemastautin tetap dikenalpasti sejak 3 April hingga 7 Julai.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-kematian-selama-23-hari-antara-inti-pati-perkembangan-covid-19-malaysia-250199>